

KAEDAH TAHFIZ AKHYAR HAFAZAN SURAH AL-FATIHAH  
DALAM KALANGAN MURID AUTISME NON-VERBAL<sup>○</sup>

*(Tahfiz Akhyar Method in Memorizing Surah Al-Fatihah  
For Non-Verbal Autism Students)*

Zawiah binti Abdullah<sup>1</sup>, Nazean Jomhari<sup>2</sup>, Norlidah Alias<sup>3</sup>  
Zulkifli Mohd Yusoff<sup>4</sup>

ABSTRACT

Abstract: The objective of this study is to measure the *Tahfiz Akhyar* method by developing the memorising surah al fatihah for Non-Verbal Autism Students. As it is publicly known, the Quran is the last holy book that Allah sent down to people and not to a typical human only but for the whole world. The Quran education is important for children with special needs. The Quran is a *shifa'* and spiritual guide for individuals and the community. However, this study had focussed on three sample for 14 weeks. The findings of the study shown that the *Tahfiz Akhyar* method can help Non-Verbal Autism Students in memorizing *surah al-Fatihah*. The achievement of memorizing the three samples vary according to their preferences and capabilities. Moreover, the three samples were interested in memorizing surah al-fatihah using the *Tahfiz Akhyar* Method based on the achievements and scores obtained.

**Keywords:** *Memorising surah al-Fatihah, Tahfiz Akhyar method, Non-Verbal Autism.*

---

<sup>○</sup> This article was submitted on: 19/03/2017 and accepted for publication on: 01/06/2017.

<sup>1</sup> Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya, K.L, Malaysia, email: cintailahi9324@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>4</sup> Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengukur pencapaian hafazan surah al-Fatihah melalui Kaedah Tahfiz Akhyar dalam kalangan Murid Autisme Non-Verbal. Pembentukan dan penerapan al-Quran kepada anak-anak istimewa untuk mencintai al-Quran amat penting. Al-Quran adalah kalam Allah yang dapat menenangkan jiwa dan merupakan syifa' kepada mereka. Al-Quran diturunkan bukan sahaja untuk golongan normal tetapi untuk seluruh alam. Kajian dijalankan kepada tiga orang sampel selama 14 minggu. Dapatan daripada kajian menunjukkan bahawa Kaedah Tahfiz Akhyar dapat membantu murid-murid autisme non-verbal dalam hafazan surah al-Fatihah. Pencapaian hafazan antara ketiga-tiga orang sample berbeza-beza mengikut kecenderungan dan kemampuan mereka. Ketiga-tiga orang sampel berminat untuk menghafaz surah al-fatihah menggunakan Kaedah Tahfiz Akhyar berdasarkan pencapaian dan skor yang diperolehi.

**Kata kunci:** *Hafazan surah al-Fatihah, Kaedah Tahfiz Akhyar, Autisme non-verbal.*

## 1. PENGENALAN

Mempelajari al-Quran merupakan satu keperluan yang dituntut dalam kehidupan seorang Muslim. Al-Quran diturunkan bukan sahaja untuk golongan normal tetapi untuk seluruh alam. Lantaran, dunia pendidikan yang kini semakin maju telah terdapat pelbagai pilihan yang boleh digunakan dalam pendidikan terutamanya guru dalam memberikan pengajaran yang berkesan dan berkualiti kepada murid. Pendidikan al-Quran kepada anak-anak istimewa perlu diterapkan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap ibu bapa dan guru yang berhadapan dengan anak-anak istimewa seharusnya membuka ruang dan peluang itu kepada mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai kaedah hafazan yang dapat membantu murid untuk menghafaz al-Quran, namun, kaedah hafazan yang bersesuaian dengan anak-anak istimewa masih belum ada. Tambahan, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada kapasiti dan peranan guru serta pendekatan pengajaran dan metode yang digunakan.

Satu teknik pembelajaran al-Quran *Kaedah Tahfiz Akhyar* telah diperkenalkan sebagai kaedah menghafaz sesuatu bacaan sama ada ayat al-Quran, bacaan dalam solat, doa, zikir, selawat dan sebagainya dengan menggunakan kekuatan anak-anak istimewa berasaskan teori teknik Nabawi. Dalam kaedah ini terdapat tiga teknik yang digunakan iaitu *Talqin dan Tartil* (memperdengarkan bacaan), *Talaqqi dan Mushafahah*

(memeluk/ merapati/mendepani) dan *Tikrar* (mengulangi). Selain itu, dalam kaedah ini memperkenalkan cara penilaian hafazan murid mengikut kemampuan mereka iaitu melalui penilaian *isyarah* (menunjuk dan memadankan), *muraja'ah* (latih tubi), *tasmik* (memperdengarkan) dan *imlak* (menulis) (Projek Rintis Faqeh, 2012). Ini telah memberikan ruang dan peluang kepada golongan istimewa ini untuk menghafaz ayat suci al-Quran.

## 2. KAJIAN LITERATUR

Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak turunnya ayat pertama daripada Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. Ketika Rasulullah beribadat di Gua Hira', Allah s.w.t telah memerintahkan Jibrail a.s untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah '*iqra*' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail a.s dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan (Abu Najihat al-Hafiz, 2001).

Nabi Muhammad SAW adalah seorang yang *ummi*- iaitu tidak tahu membaca dan tidak tahu menulis. Dengan penurunan al-Quran bersifat *tadarruj* (berperingkat-peringkat) maka ia memberi ruang kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengulang dan menghafaz wahyu yang diturunkan Allah SWT melalui Jibril a.s dengan baik dan sempurna (Abu Najihat Al-Hadfiz, 2002). Apabila al-Qur'an diturunkan kepada Rasulullah S.A.W, baginda terus membacanya di hadapan para sahabat dan meminta sahabat untuk menghafaznya (As-Syiddieqy & Hasbi, 1980).

Lantas, perkembangan hafazan bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz oleh Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1966. Penubuhan institusi tahfiz al-Quran adalah untuk melahirkan *huffaz*, *qurra*' dan *du'at* yang mahir lagi berketrampilan selaras dengan keperluan ummah dan negara. (Darul Quran, 2006). Perkembangan hafazan yang makin pesat ini telah membuka peluang yang luas pada golongan istimewa ini. Golongan istimewa perlu di beri ruang dan peluang untuk mendekati al-Quran (Norakyiree Mohd Raus, 2015). Golongan OKU mampu untuk menghafaz al-Quran dengan baik sekiranya mereka diberikan peluang. (Ahmad , 2015)

Hafazan al-Quran bagi golongan istimewa ini memerlukan ramai individu untuk membina metod baru dalam proses hafazan agar dapat membantu mereka merasa leagungan Mukjizat terbesar Nabi Muhammad SAW. Ini kerana golongan Kelainan Upaya (OKU) memerlukan metod yang berbeza bagi setiap individu untuk menghafaz dan pembelajari al-Quran. (Ahsin Sakho Muhammad, 2015). Golongan ini juga berhak mengenali dan mendampingi al-Quran.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- a, Mengukur pencapaian hafazan surah al-Fatihah melalui Kaedah Tahfiz Akhyar dalam kalangan murid autisme *non-verbal*.

### 4. SOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini ialah:

- a, Sejauhmanakah pencapaian hafazan surah al-Fatihah melalui Kaedah Tahfiz Akhyar dalam kalangan murid autisme *non-verbal*?

### 5. METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai reka bentuk kajian dan kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini. Di samping itu, sampel kajian, instrumen, pengumpulan data, dan cara penganalisan data akan diperjelaskan dalam bahagian ini.

#### 5.1 Sampel Kajian

Seramai tiga orang murid masalah pembelajaran autisme *non-verbal* yang akan menjadi sampel kajian dan akan membantu kajian ini. Pengkaji juga telah mencatatkan latar belakang murid seperti dalam Jadual 1 dibawah sebelum kajian di lakukan untuk melihat perkembangan dan perbezaan terhadap tingkah laku, emosi dan pencapaian murid selepas kajian selama 14 minggu dijalankan.

Murid (M)	Jantina	Umur	Latar belakang murid
M1	L	6 Tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar mengaji bersama bapa di rumah</li> <li>• Mudah menerima arahan</li> <li>• Emosi mudah di kawal dengan 'reward'</li> <li>• Kehadiran ke kelas kerap</li> <li>• Pertuturan boleh di fahami</li> </ul>
M2	L	6 Tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar mengaji bersama ibu di rumah</li> <li>• Mudah menerima arahan</li> <li>• Emosi mudah terganggu</li> <li>• kehadiran ke kelas sederhana</li> <li>• Pertuturan kurang jelas</li> </ul>

Murid (M)	Jantina	Umur	Latar belakang murid
M3	P	6 Tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belajar mengaji bersama ibu di rumah</li> <li>• Penerimaan arahan sederhana</li> <li>• Emosi mudah terganggu</li> <li>• kehadiran ke kelas kerap</li> <li>• Pertuturan kurang jelas</li> </ul>

Jadual 1: Latar belakang Murid

### 5.2 Instrumen Pengumpulan Data

Pemerhatian secara terus dilakukan dengan bantuan alatan teknikal seperti mencatatkan maklumat tentang perilaku murid dengan menggunakan alat instrumen seperti borang pemerhatian, alatan elektronik seperti perakam video, kamera atau pita rakaman audio. Bahan-bahan sokongan atau bantuan pemerhatian ini boleh digunakan sebagai sumber yang berguna untuk menganalisis data selepas pemerhatian. aspek-aspek yang perlu sebelum melakukan pemerhatian ketika proses hafazan murid menggunakan Kaedah Tahfiz Akhyar.

Pengkaji akan menganalisis Rancangan Pengajaran Harian (RPH) murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung sama ada melalui sikap murid, cara dan teknik guru mengajar atau sebagainya. Tambahan pula, dua RPH murid yang berbeza telah dihasilkan antara ketiga-tiga orang murid. Dua orang murid akan menggunakan RPH yang sama manakala seorang murid akan menggunakan RPH yang berbeza. Pengkaji akan mencatat semua perbezaan dan perubahan yang berlaku sepanjang hafazan surah al-Fatihah dijalankan menggunakan RPH murid yang berbeza ini. Selepas pemerhatian dilakukan, semakan akan dibuat untuk membetulkan kesilapan yang dibuat atau untuk membuat komen.

Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan borang penilaian murid untuk melihat perkembangan dan garis panduan hafazan surah al-Fatihah menggunakan Kaedah Tahfiz Akhyar dalam kalangan murid autisme *non-verbal*. Borang penilaian ini akan membantu pengkaji untuk mendapatkan tahap pencapaian dan skor murid dalam hafazan surah al-Fatihah. Borang penilaian ini akan digunakan oleh pengkaji dan guru yang mengajar semua sampel pada setiap kali pertemuan.

### 5.3 Analisis Data

Sebelum kajian lanjut dimulakan terhadap ketiga-tiga orang sampel, RPH murid akan dihasilkan. RPH murid akan dihasilkan berbeza bagi setiap sampel. Dua orang murid

akan menggunakan RPH murid yang sama kerana mereka mempunyai sikap dan tingkah laku yang hampir sama manakala, seorang lagi murid akan menggunakan RPH yang berbeza. Di bawah menunjukkan ringkasan prosedur kajian:



## 6. DAPATAN KAJIAN

Pengkaji menganalisis data dan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian dan mengikut tema.

**Tema :**

*“Sejauhmanakah pencapaian hafazan surah al-Fatihah melalui Kaedah Tahfiz Akhyar dalam kalangan murid autisme non-verbal.”*

### Subtema 1:Pemerhatian

Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap ketiga-tiga sample. Terdapat tiga langkah yang digunakan iaitu:

Langkah 1 : Perengarkan (*Talaqqi, Talqin, dan Tikrar*)

Langkah 1 (Perengarkan)	M1 dan M2	M3
Talaqqi	Murid memberikan perhatian yang baik ketika proses Talaqqi bersama guru	Murid kurang memberikan perhatian ketika proses Talaqqi bersama guru

Langkah 1 (Perdengarkan)	M1 dan M2	M3
<b>Talqin</b>	Murid boleh duduk di tempat belajar dengan baik	Murid hanya boleh duduk seketika di tempat belajar
<b>Tikrar</b>	Murid melakukan pengulangan surah dengan kerap	Murid kurang membuat pengulangan surah

Jadual 2: Pencapaian murid melalui Langkah 1

Jadual 2 menunjukkan pencapaian murid dalam Langkah 1. Jadual menunjukkan bahawa M1 dan M2 memberikan perhatian yang baik ketika proses *Talaqqi* yang dilakukan bersama guru berbanding M3 yang kurang fokus kepada guru. Manakala, ketika proses *Talqin* M3 juga tidak memberikan kerjasama yang baik dan tempoh masa murid memandang guru juga lebih pendek berbanding M1 dan M2. Ini menyebabkan murid tidak dapat melihat gerakan mulut guru ketika diperdengarkan surah al-Fatihah. Dalam proses *Tikrar* pula M1 dan M2 melakukan pengulangan mendengar surah al-Fatihah dengan lebih kerap berbanding M3. Pencapaian dalam Langkah 1 ini memberikan kesan pada pencapaian keseluruhan hafazan surah al-Fatihah murid. Penerimaan M1 dan M2 lebih baik berbanding M3.

Langkah 2 : Pemantapan Hafazan (Fail Hufaz, dan aktiviti yang bersesuaian dengan murid )

Langkah 2 (Pemantapan hafazan)	M1 dan M2	M3
<b>Hafazan secara padanan ayat</b>	Murid boleh memadan ayat dengan baik	Murid terganggu ketika memadankan ayat
<b>Hafazan secara susunan bernombor</b>	Murid boleh menyusun ayat menggunakan nombor	Murid boleh menyusun ayat menggunakan nombor tapi terkadang tertukar-tukar
<b>Hafazan secara susunan tanpa bantuan nombor</b>	Murid boleh menyusun ayat tanpa bantuan nombor	Murid kurang boleh menyusun ayat tanpa bantuan nombor

Jadual 3: Pencapaian murid melalui Langkah 2

Jadual 3 menunjukkan pencapaian murid dalam hafazan surah al-Fatihah melalui Langkah 2. M1 dan M2 boleh memadankan ayat surah al-Fatihah dengan baik berbanding M3. Dalam susunan ayat surah al-Fatihah menggunakan nombor M1 dan M2 dapat melakukan susunan dengan baik berbanding M3 susunannya terkadang

bertukar-tukar. Begitu juga dengan susunan ayat surah al-Fatihah tanpa bantuan nombor. M3 masih tidak dapat menyusunnya dengan baik berbanding M1 dan M2. M3 tidak dapat menyusun ayat surah al-Fatihah dengan baik kerana M3 bergantung pada panduan nombor. Pencapaian ini jelas menunjukkan bahawa fokus murid pada Langkah 1 mempengaruhi pencapaian murid pada Langkah 2.

Langkah 3: Penilaian

Langkah 3 (Penilaian secara <i>isyarah</i> )	M1 dan M2	M3
<i>Menunjuk</i>	Murid boleh menunjuk ayat dengan baik	Murid boleh menunjuk ayat dengan baik
<i>Memadan</i>	Murid boleh memadan ayat dengan baik	Murid boleh memadankan ayat dengan baik
<i>Menyusun dengan menggunakan nombor</i>	Murid boleh menyusun ayat dengan menggunakan nombor dengan baik	Murid boleh menyusun ayat dengan menggunakan nombor dengan sederhana
<i>Menyusun tanpa menggunakan nombor</i>	Murid boleh menyusun ayat tanpa bantuan nombor dengan baik	Murid boleh menyusun ayat tanpa bantuan nombor dengan sederhana

Jadual 4: Pencapaian murid melalui Langkah 3

Jadual 4 di bawah menunjukkan Langkah 3 yang dilakukan oleh kesemua sampel setelah melalui Langkah 1 dan 2. Dalam Langkah 3 ini murid dinilai melalui penilaian secara *isyarah* untuk melihat pencapaian hafazan murid dalam surah al-Fatihah. Kesemua murid boleh menunjukkan dan memadankan ayat daripada surah al-Fatihah dengan baik. Murid memberikan perhatian dan kerjasama yang baik. M1 dan M2 boleh menyusun ayat tanpa bantuan nombor berbanding M3. M3 masih keliru dengan susunan nombor ayat surah al-Fatihah.

Konklusinya menunjukkan bahawa Kaedah Tahfiz Akhyar dapat membantu murid untuk menghafaz al-Quran walaupun setiap murid tidak memperoleh pencapaian yang sama, namun ini menunjukkan bahawa kaedah yang bersesuaian mampu untuk membantu murid menghafaz al-Quran. Pencapaian murid bukan hanya bergantung pada penggunaan kaedah tetapi turut diiringi dengan kemahiran guru dan emosi serta tingkah laku murid. Seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 berkaitan profil atau latar belakang murid, ini memberi kesan pada pencapaian hafazan murid. Murid yang mudah dikawal emosinya, lebih mudah untuk menghafaz al-Quran.

## Subtema 2: Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

Pengkaji telah menghasilkan RPH yang berbeza bagi ketiga-tiga orang murid, maka hasil dapatan yang berbeza telah diperolehi. Pengkaji telah menganalisis pencapaian murid. Jadual 4 di bawah menunjukkan ringkasan RPH murid.

**Subjek:** Hafazan surah al-Fatihah

**Tempoh:** 14minggu (42 kali pertemuan)

Bil.	Perkara	M1	M2	M3
1.	Kehadiran murid ke kelas 35/42 kali pertemuan	/	/	
2.	Murid melihat mushaf surah al-Fatihah ketika teknik <i>Talqin</i> dan <i>Tartil</i> bersama guru	/	/	
3.	Murid melihat mushaf surah al-Fatihah ketika teknik <i>Talaqi</i> bersama guru	/	/	/
4.	Murid melihat mushaf surah al-Fatihah ketika teknik <i>Tikrar</i> bersama guru	/	/	
5.	Murid diperdengarkan keseluruhan surah al-Fatihah sebelum menghafaz			/
6.	Murid diperdengarkan satu ayat per satu ayat sebelum menghafaz	/	/	/
7.	Murid mengenali susunan nombor	/	/	
8.	Emosi murid mudah di kawal	/		

Jadual 5: Ringkasan RPH murid

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa M1 dan M2 menghadiri kelas untuk hafazan dengan lebih kerap berbanding M3. Manakala, M1 dan M2 memberikan lebih perhatian dan fokus ketika hafazan di lakukan bersama-sama guru berbanding M3 yang kurang memberikan perhatian ketika hafazan di lakukan. Tambahan pula, M1 dan M2 tidak diperdengarkan keseluruhan surah al-Fatihah sebelum hafazan surah dilakukan berbanding M3. Ini telah mengelirukan murid ketika proses hafazan kerana mendengar terlalu banyak ayat dan kalimah. Selain itu, emosi murid ketika hafazan dilakukan turut memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi tahap hafazan murid sekaligus mengganggu pencapaian skor hafazan murid. M3 perlu diberikan penekanan yang lebih dalam hafazan maka RPH yang lebih baik perlu dihasilkan agar dapat meningkatkan hafazannya mengikut kemampuan dan kecenderungan murid. Ini kerana setiap murid mempunyai kelebihan yang berbeza-beza.

## Subtema 3: Borang penilaian murid


Pencapaian murid sepanjang hafazan surah al-Fatihah dalam tempoh 14 minggu telah direkodkan oleh guru-guru di dalam borang penilaian murid. Borang ini telah dihasilkan berdasarkan RPH murid untuk memudahkan guru melihat perkembangan murid dari

masa ke semasa. Pengkaji telah menganalisis data dan maklumat dalam borang penilaian. Pencapaian setiap murid tidak sama antara satu sama lain dan tidak semua murid mampu melalui kesemua peringkat dengan skor yang sama.

Analisa borang penilaian murid telah dilakukan terhadap ketiga-tiga orang murid sepanjang proses hafazan al-Quran. Semua murid telah mengikuti ketiga-tiga langkah di bawah. Setiap murid mempunyai pencapaian dan kemampuan yang berbeza mengikut tahap fokus mereka. Analisa pencapaian ketiga-tiga murid berdasarkan langkah-langkah di bawah:

- Langkah 1 : Perengarkan (*Talqin Dan Tartil, Talaqi, Tikrar*)
- Langkah 2 : Pemantapan Hafazan
- Langkah 3: Penilaian


Graf di bawah menunjukkan peratus keseluruhan bagi ketiga-tiga orang murid dengan ketiga-tiga teknik hafazan surah al-Fatihah. Graf di atas menunjukkan bahawa setiap murid mempunyai kelebihan dan kemampuan yang berbeza. M1 mempunyai kekerapan yang paling tinggi dalam ketiga-tiga teknik Talqin, Talaqi dan Tikrar berbanding murid yang lain. Manakala M3 menunjukkan peratus yang paling rendah pada ketiga-tiga teknik. M3 mempunyai kekurangan daya fokus untuk melihat dengan baik ayat atau kalimah yang dihafaznya dan emosinya cepat terganggu dengan persekitaran yang kurang selesa.



Graf 1: Peratus kekerapan keseluruhan teknik hafazan

Manakala, graf 2 di bawah menunjukkan bahawa M1 memperoleh skor yang tertinggi dalam semua peringkat dalam penilaian Isyarah. M3 memperoleh skor yang paling rendah berbanding M2 terutama pada peringkat menunjukkan dan menyusun ayat tanpa bantuan nombor. M1 menunjukkan bahawa prestasi hafazannya lebih baik daripada murid yang lain. Namun, M2 dan M3 masih boleh meningkatkan tahap

hafazan surah al-Fatihah kerana skor diantara ketiga-tiga murid tidak begitu jauh. Proses Hafazan Talqin, Talaqi dan Tikrar mempengaruhi hasil daripada penilaian ini. Jika murid dapat meningkatkan prestasi melalui teknik-teknik hafazan dengan baik maka, hasil daripada penilaian hafazan murid akan menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Ini lah kan kepentingan penambahbaikan dalam RPH murid agar dapat meningkatkan perestasi murid dalam hafazan.



Graf 2: Pencapaian murid penilaian Isyarah

## 7. KESIMPULAN

Sub topik ini membincangkan kesimpulan daripada dapatan kajian yang diperolehi.

## 8. PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian daripada Kaedah Tahfiz Akhyar Hafazan surah al-Fatihah dalam kalangan murid Autisme *non-verbal*. Berikut merupakan perbincangan dapatan kajian secara terperinci.

Hasil dapatan daripada kajian yang telah dilakukan dapat melihat pencapaian hafazan surah al-Fatihah melalui Kaedah Tahfiz Akhyar melalui tiga orang murid yang telah dipilih oleh pengkaji sebagai sampel kajian. Pencapaian hafazan ketiga-tiga orang murid ini telah dinilai menggunakan RPH yang berbeza dan borang penilaian murid. Data-data yang diperolehi telah dikaji secara terperinci untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat. Penggunaan RPH yang berbeza telah mendatangkan hasil pencapaian yang berbeza mengikut murid. Penghasilan RPH perlulah mengikut kemampuan murid walaupun mereka berada dalam kategori murid bermasalah pertuturan yang sama kerana bagi murid autisme perilaku dan emosi mereka sentiasa berubah mengikut masa, keadaan

dan tempat. Maka, pencapaian hafazan murid sangat bergantung pada pembinaan RPH murid pada awal sebelum bermulanya proses hafazan mereka.

Selain itu juga, pencapaian murid dalam hafazan al-Quran sangat dipengaruhi oleh emosi murid pada sesi hafazan berjalan. Kemampuan mereka berbeza dengan murid tipikal yang lain kerana mereka mudah terganggu dengan suasana yang kurang selesa dan emosi juga tidak dapat dijangka secara tepat ketika proses pdp berjalan (Juwariah Hassan, 2009; Kamaliah, 2015; Hasnah Toran, 2012; Faisal Yatim, 2003; Nurul Nadhrah, Nazean Jomhari & Zulkifli usoff, 2015). Dapat dilihat bahawa murid yang mempunyai emosi yang baik pada sesi kelas hafazan al-Quran dilakukan, mereka akan dapat melakukan pengulangan hafazan dengan lebih kerap berbanding murid yang mempunyai emosi yang kurang baik pada sesi kelas hafazan yang dilakukan. Apabila murid kurang melakukan pengulangan dalam hafazan surah terutamanya bagi ayat-ayat yang panjang, maka proses untuk menghafaz akan terganggu dan akan mengambil masa yang lama. Murid autisme *non-verbal* yang didefinisikan sebagai individu yang mempunyai masalah dalam bidang komunikasi, perlu didekati dan perlu dihayati perasaan mereka kerana mereka mempunyai cara untuk menzahirkan perasaan dan emosi mereka. Sebagai contoh, melalui mimik muka murid, guru atau ibu bapa dapat mengetahui perasaan mereka, sama ada mereka gembira atau tidak. Selain itu, melalui perubahan sikap murid akan menggambarkan emosi mereka. Sekiranya murid berada dalam keadaan tertekan atau tidak selesa mereka akan bertindak di luar kawalan mereka seperti menjerit dengan kuat, mencederakan diri, melompat dan berlari. Ini adalah perasaan dan emosi yang ingin diluahkan pada orang sekeliling.

Tidak dapat dinafikan bahawa untuk mendidik al-Quran pada golongan ini memerlukan kaedah dan pendekatan yang berbeza dengan golongan tipikal yang lain. Antara kaedah hafazan yang telah diasaskan untuk membantu golongan istimewa ini ialah Kaedah Tahfiz Akhyar. Kaedah ini adalah antara kaedah yang meraikan kelainan pada golongan autisme terutamanya yang mempunyai masalah pertuturan. Namun, setiap kaedah yang dihasilkan akan mempunyai kelebihan dan kekuatan pada individu yang menggunakannya. Kaedah Tahfiz Akhyar mempunyai elemen kekuatan tersendiri iaitu kaedah ini telah menggabungkan kekuatan deria pendengaran dan visual. Bagi murid autisme yang mempunyai masalah pertuturan, penggabungan penggunaan kedua-dua deria ini amat penting untuk membantu proses hafazan al-Quran mereka. Ini kerana, penggunaan deria ini akan membantu mereka untuk menerima maklumat. Pada permulaan hafazan murid akan menggunakan kemahiran asas iaitu mengecam bentuk baris, huruf, kalimah atau ayat. Ini merupakan kemahiran yang murid-murid autisme *non-verbal* perlukan dalam kaedah ini kerana mereka mempunyai masalah pertuturan. Bertepatan dengan kajian Wan Fatmawati (2012), yang menyatakan bahawa kemahiran mengecam merupakan kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh setiap inividu kerana kemahiran mengecam ini dapat membantu murid dalam proses mengingat. Selaras

dengan kaedah Tahfiz Akhyar yang memerlukan deria pendengaran dan penglihatan dalam hafazan agar dapat meningkatkan tahap hafazan mereka. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa murid yang mempunyai 'eye contact' iaitu melihat mushaf al-Quran sambil mendengar bacaan al-Quran surah al-Fatihah ketika sesi kelas hafazan dilakukan akan mempengaruhi pencapaian hafazan mereka berbanding murid yang hanya mendengar tanpa melihat mushaf al-Quran. Pelbagai pendekatan yang boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah ini mengikut kekretifan guru dan penggunaan Bahan Bantu Belajar (BBB) yang betul. Kerjasama daripada murid juga akan mempengaruhi pencapaian hafazan.

Tambahan pula, guru perlu pandai untuk menarik minat murid untuk menghafaz al-Quran dengan kepelbagaian bantuan BBB. Namun, perlu berhati-hati dalam pemilihan BBB kerana ia akan mempengaruhi minda dan emosi murid sebagai contoh guru menggunakan BBB yang tidak di sukai oleh murid seperti belon yang mempunyai air digunakan pada murid yang mempunyai masalah sensori untuk menyentuh air. Jika ini terjadi emosi murid akan terganggu dan akan mengurangkan tempoh atau kekerapan hafazan yang akan dilakukan bersama guru. Penggunaan BBB yang lain turut membantu proses hafazan murid seperti fail huffaz, kad imbas, stiker, butang berwarna dan sebagainya. Dapat dilihat pencapaian murid meningkat apabila digunakan BBB seperti fail huffaz dalam proses penilaian hafazan. Murid sangat berminat untuk melakukannya seperti yang di arahkan oleh guru. Sesi kelas hafazan perlu dikendalikan dalam keadaan yang menarik dan menyeronokkan. Penggunaan BBB seperti pen digital audio al-Quran, fail huffaz, fail surah dan sebagainya dalam pembelajaran juga dapat membentuk pembelajaran yang menyeronokkan dan tidak membosankan (Darvina, 2003; Kaitlyn P. Walson, 2011; Edward M. Anthorny, 1963).

Dapat dirumuskan bahawa Kaedah Tahfiz Akhyar banyak membantu dalam proses hafazan al-Quran bagi murid bermasalah pembelajaran autisme terutamanya murid *non-verbal*. Setiap murid mempunyai potensi yang perlu dicungkil oleh para guru dan ibu bapa agar mereka dapat sama-sama mempelajari, menguasai dan menghayati al-Quran. Mereka berpotensi untuk mempelajari dan mendalami al-Quran dengan baik (Ahsin Sakho Muhammad, 2015; Ahmad, 2015; Ab. Halim Tamuri, 2015; Noakyiree Mohd Raus & Nazean Jomhari, 2015; Ainizal, 2015). Tidak dapat dinafikan bahawa cabaran dalam mendidik dan mendekati jiwa murid istimewa dengan al-Quran sangat mencabar dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Pelbagai kajian perlu lebih banyak dilakukan agar dapat mendekati golongan istimewa ini pada al-Quran seterusnya mereka dapat merasai kehebatan dan kesucian al-Quran yang telah Allah turunkan pada sekelian alam. Bukan itu sahaja, malah dapat melahirkan generasi yang bermanfaat pada agama, bangsa dan Negara. kerana setiap manusia mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam mendidik anak-anak

untuk mempelajari al-Quran. Golongan ini juga mempunyai hak untuk mencintai al-Quran seperti anak-anak tipikal yang lain.

## 9. IMPLIKASI

Berdasarkan dapatan kajian ini terdapat beberapa implikasi yang sepatutnya diberi perhatian iaitu:

1. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia memberi latihan yang khusus kepada guru-guru agama pendidikan khas bermasalah pembelajaran terutamanya bahagian hafazan al-Quran supaya guru-guru berkemahiran dalam menggunakan BBB dan boleh mengawal perilaku murid.
2. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) haruslah bekerjasama berkenaan reka bentuk kurikulum atau modul kaedah yang digunakan dalam pendidikan Islam terutamanya berkaitan pendidikan al-Quran., kurikulum dan silibus untuk golongan sebegini perlu dikaji lebih mendalam supaya golongan pendakwah atau tenaga pengajar dapat mendidik golongan ini dengan kaedah yang betul dan lebih berkesan.
3. Penggunaan kaedah Tahfiz Akhyar dapat diaplikasikan oleh guru khususnya guru pendidikan khas murid autisme *non-verbal* dalam hafazan al-Quran.

## RUMUSAN

Kajian Kaedah Tahfiz Akhyar hafazan surah al-Fatihah dalam kalangan murid autisme *non-verbal* ni telah dijalankan oleh penyelidik untuk melihat sejauhmana kaedah ini dapat meningkatkan hafazan murid bermasalah pembelajaran autisme. Kajian ini telah dijalankan terhadap tiga orang sampel yang mempunyai ketidakupayaan yang sama iaitu murid bermasalah pembelajaran autisme dan mempunyai masalah pertuturan. Ketiga-tiga orang sampel ini telah diajar hafazan surah al-Fatihah menggunakan kaedah yang sama tapi menggunakan RPH yang berbeza. Dua orang murid menggunakan RPH yang sama manakala seorang lagi sampel menggunakan RPH yang berbeza. Hasil dapatan yang diperolehi juga berbeza bagi ketiga-tiga orang murid. Kajian ini telah dilakukan selama 14 inggu untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih baik.

Seterusnya, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian secara langsung telah dilakukan agar data dan maklumat yang diperolehi lebih tepat dan boleh dipercayai. Selain itu, pengkaji turut menganalisis borang penilaian murid dan RPH murid sepanjang proses pdp antara murid dan guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang mampu menghafaz surah al-Fatihah dengan baik ialah murid yang dapat

menggabungkan penggunaan deria pendengaran dan penglihatan ketika menghafaz surah hafazan. Fokus murid dalam hafazan al-Quran juga memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan tahap hafazan murid. Pencapaian murid akan lebih baik sekiranya elemen ini di gunakan dalam ketiga-tiga teknik hafazan iaitu *Talqin*, *Talaqi* dan *Tikrar* dan langkah-langkah penilaian hafazan murid yang digunakan adalah bersesuaian dengan kemampuan murid.

Tambahan pula, penggunaan BBB yang berseuai dengan tahap murid sangat membantu dalam pencapaian hafazan murid. Tidak dapat dinafikan setiap kaedah yang di hasilkan mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Di akhir kajian ini, pengkaji telah membuat penambahbaikan garis panduan kaedah Tahfiz Akhyar dalam beberapa aspek seperti dalam penghasilan RPH, pelaksanaan Kaedah Tahfiz Akhyar, Penggunaan BBB dan bimbingan di dalam kelas atau di rumah agar dapat memberi kesan yang lebih baik pada masa akan datang.

Kesimpulannya, Kaedah Tahfiz Akhyar dapat memberi ruang dan peluang kepada murid autisme *non-verbal* untuk menghafaz al-Quran. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa penerapan al-Quran dalam jiwa anak-anak istimewa wajar agar mereka dapat merasakan keindahan hidup beragama sebagaimana golongan tipikal yang lain. Para pengkaji yang lain perlu melakukan kajian yang lebih mendalam dan meluas berkaitan kaedah atau teknik yang dapat membantu golongan ini mendekati dan menghayati al-Quran pada masa akan datang.

## 10. REFERENCES:

- Abu Najihat al-Hafiz (2001), "*Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah*", Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- As-Syiddieqy, T.M. Hasbi (1980), *Sejarah dan Pengantar Ilmu Al-Qur'an Tafsir*, cet. 8, h.82.
- Ahmad Napalen (2015). *Pendekatan Tradisional Dalam Menyaingi Arus Permodenan Pendidikan Tahfiz Al-Quran*, Simposium pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz (kali ke-4), Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Hasnah Toran, H., Yunus, V., Yasin, M. H. M., Zain, M., & Wan, W. N. (2013). Support for parents of children with disabilities in malaysia. *Social Sciences (Pakistan)*, 8(2), 213-219.
- Prof. Dr. KH. Ahsin Sakho Muhammad (2015). *Mendepani Kepelbagaian Kaedah Hafazan Di Indonesia: Beberapa Metode Tahfiz Al-Quran Indonesia*, Simposium pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz (kali ke-4), Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Wawancara Norakyiree Mohd Raus (2015), Exco Inovasi Yayasan Pendidikan Al-Quran Bagi Anak Istimewa
- Zainora Daud, Shahrudin Pangilun, Azizi bin Umar, Ab. Halim Tamuri, Hayati Hussin, Rohana Zakaria, Mohd Aliff Mohd Nawi. (2012). Keberkesanan Amalan Pengajaran Tri-Kurikulum di Maahad Tahfiz Kerajaan Negeri: Satu Kajian Awal. *International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 (Icriale 2012)*, (pp. 463-472).